| Tahun Baru Cina (2 hari) | - 3 Februari (Khamis)<br>- 4 Februari (Jumaat) |
| Hari Keputeraan Nabi Muhamad (S.A.W) | - 15 Februari (Selasa) |
| Hari Pekerja | - 1 Mei (Ahad) |
| Hari Wesak | - 17 Mei (Selasa) |
| Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong | - 4 Jun (Sabtu) |
| Hari Raya Puasa (2 hari) (*) | - 30 Ogos (Selasa)<br>- 31 Ogos (Rabu) |
| Hari Kebangsaan | - 31 Ogos (Rabu) |
| Hari Malaysia | - 16 September (Jumaat) |
| Hari Deepavali (*) | - 26 Oktober (Rabu) |
| Hari Raya Qurban (**) | - 6 November (Ahad) |
| Awal Muharam (Maal Hijrah) | - 27 November (Ahad) |
| Hari Krismas | - 25 Disember (Ahad) |

**2. HARI KELEPASAN AM (NEGERI)**

| | |
|---|---|
| Tahun Baru 2011 | - 1 Januari (Sabtu) |
| Hari Thaipusam | - 20 Januari (Khamis) |
| Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Tapak Warisan Dunia | - 7 Julai (Khamis) |
| Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang | - 9 Julai (Sabtu) |
| Hari Nuzul Al-Quran | - 17 Ogos (Rabu) |

**CATATAN:-**

( * ) - Tertakluk kepada perubahan

**PERINGATAN**

Apabila hari kelepasan itu jatuh pada hari Kelepasan Mingguan, maka hari tersebut digantikan dengan hari esoknya dan jika hari kemudiannya itu juga merupakan hari kelepasan, maka hari berikutnya dijadikan hari kelepasan.

Sekiranya hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu misalnya Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Aging/ Tuan Yang Terutama maka hari Kelepasan Am tersebut TIDAK DIGANTI dengan hari berikutnya bekerja iaitu hari Isnin.

# Ruangan Mahir Tanah bersama Cikgu Baya



## KENALI JENIS-JENIS HAKMILIK

Di bawah Kanun Tanah Negara, dokumen hakmilik tanah terbahagi kepada beberapa kategori. Di bawah ini diringkaskan untuk memudahkan pemahaman anda semua;



**Hakmilik** → **PEJABAT PENDAFTAR HAKMILIK**

- Geran
- Pajakan Negeri
- HS(D)

→ **PEJABAT TANAH DAERAH**

- Geran Mukim
- Pajakan Mukim
- HS(M)




**Hakmilik** → **SEMENTARA** = *QUALIFIED TITLE (QT)*

- Hakmilik Sementara Daftar = HS(D)
- Hakmilik Sementara Mukim = HS(M)

→ **MUKTAMAD** = *FINAL TITLE (FT)*

- Geran = GRN
- Geran Mukim = GM
- Pajakan Negeri = PN
- Pajakan Mukim = PM

**Hakmilik** → **KELUARAN** = ***dokumen hakmilik yang dikeluarkan kepada tuan tanah***

* Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK)
- dikenali juga sebagai Dokumen Hakmilik Keluaran (DHK) dan *Issued Document of Title* (IDT)

→ **DAFTARAN** = ***dokumen hakmilik simpanan pejabat***

*Dokumen Hakmilik Daftaran Komputer (DHDK)
- dikenali juga sebagai Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD) dan *Registered Document of Title* (RDT)



# Jom Belajar ICT

Disediakan oleh: En Norhardi



## Mari cuba fungsi *HIBERNATE!*

Fungsi *hibernate* membolehkan anda menutup komputer anda (*shut down*) dengan membiarkan semua aplikasi, tetingkap, kerja-kerja yang anda sedang lakukan begitu sahaja pada komputer. Apabila anda kembali menghidupkan semula komputer anda untuk menyambung kerja, kerja-kerja anda yang sebelum ini akan terpapar seperti sediakala tanpa anda perlu membuka semula aplikasi dan tetingkap-tetingkap *windows* kerja anda tersebut. Oleh yang demikian anda dapat menyambung kerja-kerja anda secara terus dengan mudah.

### Berikut adalah panduannya

1. Biarkan semua aplikasi pada komputer anda begitu sahaja tanpa menutupnya.

2. Klik butang **Start** ⟶




3. Klik **Turn Off Computer** ⟶







***Selepas klik Turn Off Computer, akan terpapar dialog***

4. Tekan kekunci **Shift** pada **keyboard** jangan lepas. Ikon **Stand By** akan berubah kepada ikon **Hibernate**.
5. Klik ikon **Hibernate**




6. Komputer anda akan *shutdown*

* Sekiranya dilakukan di pejabat, selepas komputer dihidupkan anda perlu *connect* semula CHATEX dan *refresh browser*.

# tips² menghilangkan penat bekerja

## Tips menghilangkan penat bekerja

Author: shuk| Posted at: 8:37 AM | Filed Under: Kesihatan,Pekerjaan|



Seharian bekerja, mungkin kita akan kepenatan dan lebih lebih lagi apabila ada tugasan yang lebih berat. Kemudian, terdapat pula kerja sampingan waktu malam atau hari minggu. Pasti badan kita lagi cepat letih. Namun begitu, sekiranya tiada tugasan di pejabat, pun kita akan rasa letih kerana letih duduk sahaja. hehehe..

Kesan dari penat bekerja, kita akan mula hilang fokus, mengantuk, bosan, tekanan, kelam kabut dan hilang sabar. Malah terdapat pelbagai kesan-kesan lain mengikut individu itu sendiri. Berikut beberapa tips untuk mengurangkan rasa penat bekerja:

Di pejabat
- berehat adalah perkara terpenting. Pada waktu rehat pejabat, pastikan anda mengambil peluang untuk berehat selepas makan tengah hari
- berbual-bual dengan rakan pejabat seketika. Bukan sembang sehingga 1 jam atau 2 jam...hehehe
- keluar melawat rakan-rakan di unit atau tingkat lain
- ke tandas dan cuci muka
- mengunyah gula-gula getah untuk 5 minit
- minum air suam
- membuat regangan ringkas seperti menggerakkan tangan dan kaki, menepuk kaki atau peha

Di luar pejabat
- mandi air suam atau berendam
- lakukan aktiviti riadah ringan
- bersosial dengan keluarga atau rakan-rakan seperti lepak di warung dan berbincang isu-isu ringan
- menonton TV atau wayang
- tidur awal atau secukupnya
  amalkan minum herba dan tumbuhan hijau
- mengurut
- bersiar-siar bersama keluarga atau rakan
- dan lain-lain

Diharapkan dengan tips ini, anda akan sentiasa bertenaga dalam menjalankan tugasan harian.



Oleh: Fadzilah Muhamad Idris

# Petua Mak ilah

### 1. Merawat Kulit Berkedut:

**Parutkan sebatang lobak merah yang telah dibersihkan, lalu dicampurkan bersama sesudu tepung jagung dan sebiji kuning telur. Sebatikan bancuhan itu lalu disapukan kepada kulit sekali sehari. Amalkan sehingga berkesan.**

### 2. Mengurangkan Dengkur:

**Tumbuk lumat tujuh biji badam dan campurkan ke dalam segelas susu panas. Minumlah beberapa minit sebelum tidur.**

### 3. Mari Hapuskan Kelemumur:

**Ambil beberapa biji buah mengkudu masak, basuh dan tumbuk sehingga hancur. Kemudian, disapu pada kepala sambil digosok-gosok. Amalkan seminggu dua kali sebelum mandi.**

### 4. Menaikkan Seri Muka:

**Basuhkan muka anda dengan menggunakan air basuhan beras yang ke tiga. Bilas dengan air bersih setelah sepuluh minit berlalu. Amalkan selalu.**

### 5. Mengelakkan Nafas Berbau:

**Goreng tanpa minyak hampas kelapa hingga kuning. Amalkan mengunyah hampas kelapa itu. Jika anda tidak sukakan rasanya, anda boleh saja meluahkannnya. Minumlah air suam selalu.**

### 6. Ubati Bibir Yang Pecah:

**Bancuhkan air suam bersama gula merah dan sedikit asam jawa kemudian diminum beberapa kali.**

### 7. Mengatasi Mabuk Perjalanan Jauh:

**Bancuh air didihan nasi bersama sedikit gula. Minum ketika suam. Amalkan selalu.**

### 8. Melembutkan Tapak Kaki:

**Ambil sedikit hampas kelapa dan campurkan dengan air perahan limau nipis. Gosokkan tapak kaki dengan bancuhan itu berulangkali. Amalkan sekurang-kurangnya seminggu untuk mendapat hasilnya.**

### 10. Mengelakkan Lipas:

**Ambil beberapa helai daun pandan dan letakkan di tempat kegemaran lipas seperti almari pakaian dan ceruk-ceruk dapur. Apabila daun pandan itu sudah layu, gantikannya dengan daun-daun baru.**

Oleh: Fadzilah Muhamad Idris

# tips² & petua

**1. MENURUNKAN BERAT BADAN**

Jika anda mengalami berat badan yang berlebihan, air limau nipis yang anda minum boleh menurunkan berat badan anda

Caranya: Sediakan dua biji limau nipis atau limau kasturi setiap hari, setelah itu perah airnya ke dalam gelas yang berisi dengan air sejuk, masukkan ke dalam peti sejuk. Setelah itu bolehlah dijadikan air minuman setiap kali selepas anda makan tengah hari dan makan malam.

Cara ini boleh diikuti dengan senaman ringan. Amalkan meminumnya selama sebulan, berat badan anda akan beransur turun.

**2. ELAK KENCING MALAM UNTUK ANAK KECIL**

Perahkan sedikit air lemon di atas sesudu kecil madu lebah dan terus hirup. Amalkannya di sebelah pagi dan sebelum masuk tidur. Mudah-mudahan, anak kecil anda akan berhenti kencing malam atau setidak-tidaknya dapat mengurangkan jumlah dia buang air kecil.

**3. TEPUNG UBI PENAWAR RUAM**

Cara yang baik untuk menghindarkan ruam dari tubuh bayi anda ialah dengan melumurkan tepung ubi selepas mandi. Pastikan bahagian-bahagian utama yang menjadi sasaran serangan ruam seperti di leher, punggung dan dada dilumur.

**4. UBATI SAKIT DADA**

Ambil beberapa ulas halia. Tumbuk hingga lumat dan perahkan airnya. Ambil satu biji telur ayam kampung. Keluarkan kuningnya sahaja. Campurkan bersama madu lebah tulen. Kacau hingga sebati dan minum setiap pagi sebelum sarapan.

**5. HILANGKAN URAT DI KAKI**

Bagi ibu-ibu yang mengandung mereka sering mengalami masalah urat timbul di kaki dan ia berlarutan hingga bersalin. Ketika tidur anda mesti meletakkan kaki lebih tinggi daripada kepala, atau ambil sebesen air suam, rendamkan kaki anda selama 15 hingga 20 minit setiap hari. Lakukan hingga anda memperolehi hasil yang memuaskan, atau anda boleh mengurutnya perlahan-lahan dengan menggunakan minyak urut.

Oleh: Soleh

**6. RASA GARAM DALAM MASAKAN**

Untuk merasa garam dalam masakan memang menjadi masalah terutama jika anda berpuasa. Cara terbaik untuk mengatasi masalah ini ialah dengan meletakkan kuah di atas jari anda. Jika kuah itu tidak meleleh ia menandakan masakan anda cukup masin tetapi jika jari anda merasa perit ini menandakan masakan anda terlebih garam.

**7. SIMPAN KELAPA PARUT**

Masukkan kelapa dalam tapisan. Letakkan di atas periuk yang berisi air panas. Biarkan wap itu masuk ke dalam kelapa.

**8. MENGHILANGKAN KEDUT**

Wanita yang sudah berumur biasanya sangat takut kelihatan tua, terutamanya di bahagian muka kerana muka adalah bahagian yang mula-mula menjadi tumpuan pandangan seseorang. Bagaimanakah caranya untuk menghilangkan kedut-kedut yang mula berjinak-jinak di muka anda? Sebenarnya tidak sukar menghilangkan kedut-kedut di muka asalkan anda rajin melakukannya. Ambillah sebiji lobak merah. Parut hingga hancur. Kemudian ambil satu sudu tepung jagung dan sebiji kuning telur. Campurkan semua ramuan itu dan kacau hingga sebati. Sapukan di tempat yang berkedut itu. Biarkan selama 20 minit, barulah dibasuh dengan air bersih. Lakukan selalu, Insya-Allah wajah anda kelihatan berseri dan kedut-kedut yang mula bertapak itu akan menghilang.

**9. PENYERI MUKA**

Selain daripada menghilangkan kedut di muka, ada juga amalan yang boleh dilakukan supaya muka akan sentiasa kelihatan berseri. Caranya ialah cuci muka setiap pagi dengan daun teh yang sudah direndam. Sapukan teh tersebut ke muka, sepuluh minit kemudian basuhlah dengan air bersih, ataupun anda sapukan muka dengan putih telur. Biarkan selama sepuluh minit. Kemudian bersihkan dengan air. Lakukan begitu seminggu sekali. Anda akan nampak keberkesanannya.

**10. GARAM UBATI SAKIT GIGI**

Sakit gigi memang amat menyeksakan. Petua ini elok dilakukan bagi menghindar dari terkena sakit gigi. Caranya campurkan sedikit garam halus pada ubat gigi apabila hendak menggosok gigi setiap pagi. Jika ini diamalkan, anda bukan sahaja dapat menghindarkan diri daripada sakit gigi dan mulut, malah gigi anda juga akan menjadi lebih putih dan berseri.



# Bakat Terpendam I

*Nukilan yang tercipta, menghiasi ruang sanubari*

## Berkahwin : bukan setakat dengan si dia...

Perkahwinan adalah antara fasa terpenting di dalam diari kehidupan seseorang insan. Pada saya, perkahwinan, bukan sekadar penyatuan dua hati. Ia lebih daripada itu..Dalam erti kata lain, ia juga penyatuan dua 'budaya' hidup, penyatuan dua keluarga, penyatuan dua cita rasa, dan sebagainya.

Penyatuan dua budaya hidup bermakna bagaimana harus kita satukan cara hidup kita dengan hidup si dia. Contohnya, di rumah keluarga kita, sememangnya semua ahli keluarga makan bersila di atas tikar tetapi di rumah keluarganya sesi makan mestilah di meja makan..Nah, pasti pada awalnya ada yang agak kekok terutamanya bab makan bersila di atas tikar jika tidak biasa melaluinya sebelum ini..Apa yang kita perlu lakukan jika kita sememangnya tidak biasa dengan keadaan ini?

Peringkat permulaan ini, sebagai 'orang baru', semuanya akan diperhatikan..Jadi, ikut saja apa gaya yang ada. Bak kata orang 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'. Percayalah, keluarga mertua juga akan lebih menghargai kesediaan kita untuk menerima '*custom*' keluarganya.. Hal sebegini sememangnya nampak kecil tetapi jika menongkah arus, mungkin ada hati yang tercalar.. Jadi, kita pilih, mahu yang mana..

Penyatuan dua keluarga..Erm.. kata orang, apabila kita berkahwin dengan seseorang, kita juga berkahwin dengan keluarganya..Itu betul... Seboleh mungkin, berlaku adillah kepada kedua-dua belah pihak. Sebagai contoh, jika kita ada pergi bercuti bersama keluarga sendiri, cubalah ikhtiarkan pula untuk bercuti bersama keluarga pasangan.. Perkara ini pasti akan lebih membahagiakan apabila kedua-dua keluarga merasai bahawa mereka mendapat layanan yang sama daripada kita dan pasangan.. Pastinya, kita tidak mahu timbulnya rasa kecil hati hatta sebesar zarah sekalipun daripada mana-mana keluarga bahawa kita mengutamakan satu pihak sahaja..Dalam masa yang sama, cubalah sedaya mungkin untuk tidak menceritakan kelemahan mana-mana keluarga kepada pihak keluarga yang lagi satu..Selain membuka keaiban, perkara ini juga boleh mengundang persepsi negatif antara keluarga.

Menyentuh bab penyatuan dua citarasa pula, ianya adalah bahagian paling penting untuk kita tangani..Semasa bercinta, seboleh mungkin, semuanya yang indah-indah sahaja akan ditunjukkan..Apabila berada di bawah satu bumbung, bermulalah proses saling mengenali dengan lebih lanjut yang mana kita dan pasangan perlu memahami antara satu sama lain dan saling melengkapi..*Klise* bunyinya tapi itulah hakikat.. Kita tidak memerlukan 100% persamaan untuk hidup bahagia bersama tetapi kita harus bijak untuk saling melengkapi..Ketidaksamaan antara kita dengan si dia itu indah sebenarnya...Warna-warna yang berbeza itulah yang akan mencantikkan lagi perjalanan kita di atas kanvas kehidupan ini biarpun adakalanya agak sukar untuk kita memastikan warna-warna ini serasi lakarannya..Kekuatan kita adalah untuk melengkapi kelemahannya dan kelebihannya pula akan menutup kekurangan kita.. Contoh mudah, si dia suka benar meninggalkan tuala mandinya di atas katil selepas mandi, dan sudah pastinya menjadi tugas si pasangan untuk menyidai semula tuala tersebut. Janganlah cepat melenting.. kerana itu kelemahannya.. dan janganlah dijadikan ia suatu isu yang besar yang akan membungakan pergaduhan..Berbincanglah sebaik mungkin untuk mencari satu resolusi terhadap apa sahaja ketidakpuasan hati atau kemelut yang melanda. Berkata seorang teman " Berilah pasangan anda sedikit masa untuk dia mengubah dirinya.. Bertahun dia begitu mana mungkin sehari hidup bersama sudah boleh menjadi seperti yang kita inginkan."

Tuntasnya, tidak perlulah kita terlalu merungut ke atas apa kurangnya dia..Kadang-kadang terlupa benar kita mencari kelemahan diri sendiri sehingga asyik memikirkan apakah lagi kelemahan si dia..Belajarlah.. Bagi isteri, belajarlah menerima kelemahannya sepertimana dia dengan rela hati menerima kita seadanya ketika lafaz ijab dan qabul diucapkannya.. Untuk suami, belajarlah menerima kurangnya pasangan anda seperti mana dia memohon untuk dipimpin ketika huluran tangannya anda sambut ketika dia sah ditabalkan sebagai isteri anda.

Percayalah.. *baiti jannati* (rumahku syurgaku) bukannya perlu untuk hidup di dalam banglo mewah yang jutaan ringgit nilainya, tetapi adalah rumahtangga yang ikhlas, yang bahagia, yang apabila kita balik, ada *sakinah* (ketenangan), yang mana apabila kita berjauhan, ingin segera pulang ke *baiti jannati* yang satu ini. Yang mana di situlah susah senang kita bersama si dia. Jadi ikhlaskan diri bersama si dia untuk membina sebuah perkahwinan yang membahagiakan, yang menenangkan biarpun seribu satu dugaan melanda, ianya adalah pelengkap kepada sebuah pentas yang bernama kehidupan...

Wallahualam...

Nukilan : *Ummi Awliya*



# Bakat Terpendam II

*Ilham datang bersahut coretan minda yg terpendam...*

**BARAKAH RAMADHAN**
*Nukilan : Nur Aifaa Ahmad Nabil*

*Ketika Syaaban mulai terbenam*
*Langit meremang bercahaya*
*Syahdu Ramadhan tiada berawan*
*Anak purnama kini menjelma*
*Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadhan*
*Kemilaumu menjadi harapan*
*Petunjuk jalan kealpaan*
*Umat kembali keinsafan*
*Ya Ramadhan*
*Persada buat insan kerinduan*
*Selama ini tiada keruan*
*Mencari mutiara keimanan*
*Pupuk semula ketaqwaan*
*Malammu Ramadhan*
*Pengikat ukhuwah*
*Pelerai tembok keegoan*
*Tarawih penyeri kegelapan*
*Pelantar teguh pengorbanan*
*Senjamu Ramadhan*
*Penyeri segala kenikmatan*
*Bergema kumandang azan*
*Terlaksana sudah suatu kewajipan*
*Ya Ramadhan*
*Purnama rezeki Allah*
*Melimpah nikmat tercurah*
*Kurnia sebuah keikhlasan*
*Nawaitu untuk Maha Penyayang*
*Ya Ramadhan*
*Mungkinkah esok akan kembali*
*Mungkinkah ia menjelma lagi*
*Insan akan terus menanti*
*Rindukan berkunjung pasti....*




**OLEH: NUR AIFAA**




Dari Mu aku dijadikan,
Kurniaan Mu sentiasa aku dambakan,
Agar terbukti satu ikatan,
Seperti utuhnya cintaku kepada Mu Ya ALLAH..

Dari susuk tubuh seorang lelaki,
Aku bergelar isteri,
Yang menemani dalam tawa dan tangis,
Tanpa rasa jemu dan jerih,
Sentiasa bersama walau kadangkala diri tersisih...

Salah kah aku meminta manja,
Seperti pasangan Adam dan Hawa,
Salahkah aku menginginkan belaian,
Biarpun sekadar peneman,
Sepanjang perjalanan yang penuh cabaran..

Aku seorang Perempuan,
Aku juga seorang Anak,
Bahkan aku seorang suri,
Yang bakal bergelar seorang ibu,
Bukan ku pinta intan permata,
Tidak ku endah wang bertimpa,
Cuma menggilap kaca menjadi mahkota,
Menunai janji mengota kata.

Atas kesedaran keagungan Ilahi,
Aku Redha menerima seadanya,
Kerana dia insan ku yang kucintai,
Dipinjamkan jasad sementara di dunia,
Kasih sejati kekal di sana,
Sedarkanlah dia atas kehadiranku,
Kekasih hati pujaan kalbu.

**OLEH: SALIZA**



# Bakat Terpendam III

*Bersama Pena, kususun kata-kata..Demi mencipta karya*

## Pantun Jenaka Biro Penerbitan

Assalamulaikum dan selamat sejahtera,
Kepada warga-warga PTG semua,
Ini kisah pantun jenaka,
Untuk hiburan anda semua.

Pengerusi biro pangkat diberi,
Orangnya lembut baik sekali,
Siapa tak kenal dengan En.Hardi,
Seorg pegawai di bhgn IT.

Pn.Norbaya selaku naib pengerusi,
Menolong En.Hardi dalam biro kami,
Orgnya nampak pendiam sekali,
Sesekali bercakap pasti berisi.

Bendahari kami baik orgnya,
Lemah lembut lagi berbahasa,

Nak tau sapakah gerangannya,
Pn. Azwani Hasleem namanya.

Menulis,mencatat,mencatit tak pernah jemu,
Sesuai sungguh dengan jwtn S/U nya itu,
Org kecil molek sungguh ayu,
Semestinya Samirah nama orang itu.

Kemana-mana sentiasa berdua,
Pereka grafik dan teknikal itulah mereka,
Solihin dan Fitri memang rapat gilerrr,
Tapi kalau bergaduh tak ingat dunia.

Sentiasa sibuk itulah tugas mereka,
Berdua,berkepit,bersama dgn cik kamera,
Mencari berita sensasi xkira tempat dan masa,
Tentulah Anas dan Amri cameraman kami terbaeeek punya.

Wartawan kami semuanya wanita,
Tingkat 21, 22 kedua-duanya ada,
Nak tau siapakah gerangannya mereka,
Zalina, Fadzilah, Julailay, Aifaa dan Saliza lah orangnya.

Sekian saja untuk kali ini,
Salah silap harap dimaafi,
Janganla simpan di dalam hati,
Ampun dan maaf ikhlas dari kami.




OLEH: FADZILAH



# Bakat Terpendam IV

***Coretan ilham sang pujangga..agar tercipta warkah seni berharga***







***LAKARAN OLEH: FITRI***





# Bakat Terpendam V

*Kertas putih kuukir..Dengan pahat pena kurangkai huruf dalam kertas*

Assalamua'laikum wbt,

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,




ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Mulaku di sini ku jejaki,
Meredah anak-anak tangga modal insan,
Menyusur liku-liku cabaran kerjaya,
Menggapai awan mengutip bintang-bintang gemerlapan,
Menjadi insan, Menjadi ilmuan, Menjadi pakaran,
Tika mengharungimu dulu & kini...

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Inspirasimu membuka hijabku,
Menyuluh jalan yang tidak menentu,
Di bawah payungmu, di bawah penerajumu,
Menjadi inspirasiku, tiap waktu dan ketika,
Membakar semangatku yang suam,
Membuatku ingin menjadi seperti mereka,
penerajumu yang berwibawa...

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Telah 2 tahun 3 purnama ku bersamamu,
Berlalunya masa sepantas ini,
Kini aku bakal meninggalkanmu,
Berpisah sementara, bukan selamanya,
Selagi ada usiaku dan masih bernyawa,
Ku bawa obormu yang membara,
Meneruskan perjuanganmu di rantauan mana,
Kan ku bawa wajahmu, kan ku bawa acuan kerjamu,
Kemana sahaja aku berada,
Menjadi panduan dalam kerjayaku,
Menjadi tekad dalam hidupku...

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Akan ku rinduimu tiap waktu,
Maafku pinta buat semua wargamu,
Yang amat ku kasihi dan ku sayangi,
Antara kenal & tidak mengenali,
Andai ada salah dan silap ku selama ini,
Ampunku pinta sekali lagi…

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Tiada kata seindah bahasa,
Terima kasih buatmu sahaja yang mampu ku ukiri,
Apakan daya sumbangan ku kecil dan bertepi,
Hanya dihujung jari menyusuri laluan duniawi,
Untukmu jua ku korbankan jasad & jiwa ini,
Kerana Ilahi ku niati, demi tugasku yang hakiki,
Buat negara yang ku cintai...

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Madah dan puisi ku ungkapi,
Untuk wargamu yang ku sanjungi,
Jangan lupa diriku dalam do'a mu,
Terjalin ikatan antaramu,
Silaturahimku antara wargamu,

ICU Dalam Kenangan, BTM Dalam Ingatan...
Akhir kalam coretan kata ku ini,
Moga 5 bintang menjadi realiti bukan fantasi,
Biar terdengar lagi namamu disanjung & diiktiraf tinggi,
Salam permaiku buat wargamu ICU,
Salam kasihku buat wargamu BTM...
Moga kita ketemu lagi di alam dunia fana ini mahupun di sana nanti,
Tika ketentuan Ilahi menetapi,
Semoga kenangan & ingatan kekal abadi,
Di hati dan di sanubari...

***Nukilan Asli :-***
***- Hadi -***

Jumaat, 26 Muharam 1430 Hijrah,
23 Januari 2009

Berhijrah Ke Negeri Pulau Mutiara Tanah Kelahiranku
Mula Berkhidmat di PTGPP pada 1 Safar 1430 Hijrah bersamaan 28 Januari 2009

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA TERCINTA"***

GoFer97

# Mutiara Hati

*24 – Hai anakku; bergaullah rapat dengan orang yang alim lagi berilmu. Perhatikanlah kata nasihatnya kerana sesungguhnya sejuklah hati ini mendengarkan nasihatnya, hiduplah hati ini dengan cahaya hikmah dari mutiara kata katanya bagaikan tanah yang subur lalu disirami air hujan.*
*25 – Hai anakku; ambillah harta dunia sekadar keperluanmu sahaja, dan nafkahkanlah yang selebihnya untuk bekalan akhiratmu. Jangan engkau tendang dunia ini ke keranjang atau bakul sampah kerana nanti engkau akan menjadi pengemis yang membuat beban orang lain. Sebaliknya janganlah engkau peluk dunia ini serta meneguk habis airnya kerana sesungguhnya yang engkau makan dan pakai itu adalah tanah belaka. Janganlah engkau bertemankan dengan orang yang bersifat talam dua muka, kelak akan membinasakan dirimu.*
(25 Pesanan Luqmanul Hakim)

"For all things come from earth, and all things end by becoming earth." --- Xenophanes, 580 B.C.

"A rainbow of soil is under our feet; red as a barn and black as a peat. It's yellow as lemon and white as the snow; bluish gray. So many colors below. Hidden in darkness as thick as the night; The only rainbow that can form without light. Dig you a pit, or bore you a hole, you'll find enough colors to well rest your soil." --- F.D. Hole, A Rainbow of Soil Words, 1985



# Biro-biro Kelab Sukan Dan Sosial PTG

## AJK BIRO EKONOMI

- MOHD ANNAS BIN MOHD NASSER
- ISMAIL BIN YAHAYA
- ELIAS BIN HAKIM
- KHIRRUDIN BIN BAKAR
- RAMLI BIN DIN
- FAIRUS BINTI RAMLI
- SAMIRAH BINTI ABU BAKAR
- SYAHRUL AZRIL BIN SALLEH
- MOHD REZA BIN SHAMSUDDIN
- MAZLAN BIN ZULKIFLI
- NOR ATIKA BINTI SHAHRUD-DIN
- SALIZA BT. SHAARI
- ARNIDA BT. ZAINOL
- MOHD SYAKIR BIN REJAB

## AJK BIRO SUKAN

- SYAMSUL FITRY BIN AHMAD
- KHIRRUDIN BIN BAKAR
- AZURA @ AISYAH BT. GHAZALI
- NUR MAZIDAH BT. ABDUL MAJID
- MAWARDI BIN MOHD HUSAIN
- ISMAIL BIN YAHAYA
- SITI SARA BT AHMAD
- ROHANA BT MD ZAIN
- NURHANIM BT MAT NOORABD
- RAZAK BIN KASIM
- MAZLAN BIN ZULKIFLI
- MOHD LUTFI BIN TALIB
- RIZAL BIN AHMAD

# AJK BIRO MAJLIS & PROTOKOL

- NOR AZIAH BT. MD DESA
- SITI SARA BT. AHMAD
- SUHAILY BT. MD SAMSUDIN
- ROHANA BT. MD ZAIN
- FAIRUS BT. RAMLI
- SYAIFULZARIM BIN ABD RAHMAN SHAFFIE
- NUR MAZIDAH BT. ABDUL MAJID
- HARUN BIN MAT
- MOHAMAD WARZIDY BIN AHMAD
- MAZLIANI BT NORDIN
- NURUL AIN BT MOHAMED
- ROSNAH BT. MASRI
- NAZRUL BIN HUSSAIN
- SURIANIE BT. MAT SAPAR
- HILMI BIN MOHD YUSOF
- MOHAMAD ZAMRI BIN YAHAYA

# AJK BIRO KEBAJIKAN & AGAMA

- FARAZIMAH BT. MOHAMAD
- NORLIANA BT. ISMAIL
- MOHD NOR FIRDAUS BIN KAMARUDDIN
- NURUL LIYANA BT. ZULKIFLI
- SITI AISHAH BT. MUSTAPA
- MOHD LUTFI BIN TALIB
- ELYANA BT. CHE ROS
- FADZILAH BT. MOHAMAD IDRIS
- NOORAINI BINTI MOHD ISA
- ROZIYANA BT. AHMAD
- ARNIDA BT. ZAINOL
- SARIFAH BT. AHMAD
- MOHD NAZROL BIN HUSSAIN

# AJK BIRO PROGRAM² KHAS

- ASMAHANI BT. MANSOR
- INTAN MASYITAH MOHD. MURAD
- NORSHAM BT. MOHAMAD NOR
- MOHD ULIL AMRI BIN HARON
- MOHD AZLY BIN CHE OMAR
- NOR AZIMAH BIN JAMALUDIN
- HARUN BIN MAT
- HILMI BIN MOHD YUSOT
- HUSNA BT ABU BAKAR
- MOHD ANAS BIN AZMI
- MOHD REZA BIN SAMSUDDIN
- MUHAMAD NAZRUL BIN HUSSAIN
- ISMAIL BIN JAMPAR
- AWANIS BT. HASHIM

## Pemakluman YURAN Baru
## KELAB SUKAN & SOSIAL PTGPP

| GRED JAWATAN | YURAN (RM) |
|---|---|
| 1 - 17 | 3.00 |
| 18 - 40 (termasuk KUP Gred 22) | 5.00 |
| 41 ke atas | 10.00 |

**WAKIL BAHAGIAN:-**

[ PENDAFTARAN ]
HARRIS BIN RAHUMAD TULLAH

[ STRATA ]
NOORSHEELA A/P SELVAN

[ PEMBANGUNAN ]
JAZILLIA BT MOHAMED YUSOFF

[ KHIDMAT PENGURUSAN, UNDANG-UNDANG, TEKNOLOGI MAKLUMAT, HASIL & PENGUATKUASAAN ]
SITI HAJAR BT PATUROONSA

**Yuran baru ini berkuatkuasa pada 23 Jun 2011**

# Di sebalik tabir Gempak PTG

Bismillahirrahmanirrahim....

Gempak PTG?? Ya Gempak PTG nama baru Buletin Kelab Sukan & Sosial PTG penggal 2011/2013. Sebelum ini Kelab PTG telah menerbitkan beberapa majalah antaranya Suara PTG 1998 dan Gema PTG 2005 dan kini diteruskan dengan penerbitan **Gempak PTG**. Pada mulanya memang susah untuk menamakan majalah baru ini sehingga terpaksa dibuat undian dan pilihan nama yang banyak iaitu Borak-Borak PTG, Warna-Warni PTG, Buletin PTG, Fiesta PTG, Gempak PTG, Sembang PTG, Metro PTG, Macam-Macam PTG dan Khazanah namun akhirnya undian popular jatuh kepada **Gempak PTG** sebagai nama rasmi majalah pada penggal ini.

Penerbitan **Gempak PTG** telah dipertanggungjawabkan oleh Kelab Sukan dan Sosial PTG kepada Biro Penerbitan. Semua ahli biro telah bertungkus-lumus selama beberapa bulan bagi menyediakan pelbagai bahan dan material untuk dimuatkan di dalam Gempak PTG ini. Antara bahan-bahan yang dimuatkan dalam Gempak PTG adalah kursus-kursus anjuran jabatan, kelahiran cahaya mata, pertukaran dan persaraan staf-staf PTG, lawatan, karya-karya sumbangan staf PTG dan sebagainya.

Walaupun nampak mudah untuk mencari bahan  tetapi hakikatnya ia memerlukan masa dan tenaga untuk menyiapkan Gempak PTG ini. Kami melakukan tugas ini tanpa mengira penat dan lelah untuk menghasilkan Gempak PTG yang lain dari yang lain. Ia memerlukan Idea dan Kreativiti daripada pereka grafik dikerah untuk menghalusi kemunculan **Gempak PTG** ini.

Segala amanah yang dipikul, dengan semangat, azam dan harapan yang maksimum dari sidang redaksi maka lahirlah Gempak PTG

Dengan pengisian yang berbeza dan kreativiti reka grafik yang diatur menjadi harapan kami Majalah ini akan segempak namanya dan menjadi biulan warga PTG semua.

Menanti kelahiran sulung Gempak PTG ibarat menanti kelahiran cahaya mata pertama yang ditatang bagai minyak yang penuh, sungguh medebarkan. Adakah bagus? Adakah cacat? Adakah dapat diterima? Adakah mendapat tohmahan? Semua ini senantiasa bermain di benak fikiran kami. Pelbagai rintangan dan halangan terpaksa dihadapi terutama dengan kekangan masa yang agak terbatas dengan tugas-tugas harian, tetapi kami teruskan juga demi untuk mengeluarkan Gempak PTG ini.

Akhirnya, setelah kekuatan dan keazaman digabungkan, kesabaran dan keredhaan disatukan, doa dan tawakal dipanjatkan, maka hasilnya tentulah kejayaan dan kemenangan dengan kemunculan majalah baru PTG iaitu GEMPAK PTG.

***Kami budak baru nak pegang galah,***  
***Galah jatuh timpa kami,***  
***Kalau ada silap dan salah,***  
***Jangan simpan di dalam hati.***

***Salam ikhlas dari Biro Penerbitan,***  
***Untuk semua warga PTG tahun ini,***  
***Gempak PTG bukanlah pengakhiran,***  
***Kalau ada umur yang panjang, Insya Allah kita berjumpa lagi.***

*Salam mesra dari kami…*

*Biro Penerbitan*

*Kelab Sukan dan Sosial PTG*


PEMBERITAHUAN
Assalammualaikum dan salam sejahtera,
Biro Penerbitan dengan ini meminta jasa baik dan kerjasama semua staf PTG untuk bersama-sama menamakan Buletin PTG 2011 edisi akan datang. Anda hanya perlu menanda atau memilih satu tajuk daripada senarai dibawah:-
Borak-borak PTG
Warna-warni PTG
Gempak PTG
Sembang PTG
Fiesta PTG
Metro PTG
Macam-macam PTG
Khazanah
Buletin
Gempak PTG